

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HMT 322 – ASPEK-ASPEK TEORI LINGUISTIK AM DAN
PENERAPANNYA**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **DUA [2]** bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**. **Bahagian A** merupakan bahagian yang **WAJIB** dijawab. Pilih dan jawab **SATU [1]** soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A:

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian daripada bahasa Austronesia atau bahasa Indo-Eropah, huraikan kaedah kuantitatif dalam aktiviti pengelompokan bahasa.

[20 markah]

2. Fonologi Prosodi mempersoalkan fonem sebagai satu unit pemenggalan yang utama. Bagaimanakah pelbagai komponen kelancaran pertuturan dianalisis menurut Fonologi Prosodi gaya Firthian? Bandingkan dan bezakan pendekatan prosodi dengan fonemik Amerika Utara dan Aliran Praha.

[20 markah]

3. Dengan menggunakan contoh-contoh daripada data sebenar yang sesuai daripada bahasa Melayu atau bahasa-bahasa yang anda ketahui, dalam linguistik terangkan pengertian pasangan-pasangan yang berikut.

- [a] *La langue* dan *la parole*.
- [b] Analisis sinkronik dan analisis diakronik.
- [c] Variasi bebas dan alternasi bebas.
- [d] Morfem bebas dan morfem terikat.
- [e] Struktur-D dan struktur-L.

[20 markah]

4. [a] Dengan contoh sebenar yang sesuai daripada bahasa Melayu senaraikan langkah-langkah utama dalam membuat analisis fonologi struktur.

[b] Terangkan proses morfologi (pembinaan kata) yang terdapat dalam bahasa Melayu.

[c] Beri representasi dalaman, luaran dan logik bagi ayat berikut.

Wayang Hindi disukai ramai di sini.

[d] Beri pengaliran kata menulis dan mengalap dalam fonologi generatif.

[20 markah]

Bahagian B:

Pilih dan jawab **SATU [1]** soalan daripada bahagian ini.

4. Dengan menggunakan contoh yang bersesuaian daripada bahasa Austronesia atau bahasa Indo-Eropah, huraikan maksud konsep kekeluargaan bahasa dalam linguistik historis komparatif.

[20 markah]

6. Linguistik Fungsian-Sistemik (*Systemic Functional Linguistic-SFL*) ialah suatu teori bahasa yang tertumpu sekitar tanggapan fungsi bahasa. Apakah tanggapan-tanggapan utama Linguistik Fungsian-Sistemik? Bandingkan dan bezakannya dengan pendekatan-pendekatan struktur.

[20 markah]

7. Dengan menggunakan X' (iaitu X berpaling) berikan derivasi ayat-ayat berikut.

[a] Pinggan mangkuk itu masih belum berbasuh.

[b] Jendela itu sudah terbuka.

[c] Itik itu kena pagut ular.

[d] Kitab itu pernah kubaca.

[e] Ikan bilis disukai kucing.

[20 markah]